

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN PUSAT TUISYEN

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN PUSAT TUISYEN

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

2015

Buku **GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN PUSAT TUISYEN** ini diterbitkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Malaysia.

Tel.: 603-2617 9000 Faks: 603-2698 0460
E-mel: dbkl@dbkl.gov.my Laman Web: www.dbkl.gov.my

Cetakan Pertama 2015

© Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh:

Attin Press Sdn. Bhd.
No. 46, Jalan 2/108
Taman Salak Jaya
Salak Selatan
57100 Kuala Lumpur

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

KANDUNGAN

	HALAMAN
1.0 TUJUAN	1
2.0 OBJEKTIF	1
3.0 SKOP	1
4.0 TAKRIF PUSAT TUISYEN	2
5.0 DASAR PERANCANGAN DAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	2-3
6.0 KRITERIA PERANCANGAN	4-8
7.0 TARIKH KUAT KUASA	8

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

PENUBUHAN PUSAT TUISYEN

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk menilai permohonan kebenaran perancangan. Garis panduan ini juga bertujuan untuk menetapkan keperluan perancangan termasuk dari segi kesesuaian lokasi, jenis premis, penggunaan ruang, kebolehsampaian dan kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti pusat tuisyen di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2.0 OBJEKTIF

- i. Memastikan pusat tuisyen beroperasi di kawasan yang sesuai dengan mengambil kira pembangunan kawasan sekitar, ciri-ciri keselamatan dan penyediaan kemudahan yang mencukupi.
- ii. Mewujudkan satu garis panduan untuk mempertimbangkan permohonan kebenaran perancangan penubuhan pusat tuisyen.
- iii. Memberikan kefahaman dan panduan kepada pihak awam/pemohon tentang perkara yang diambil kira oleh pihak

DBKL dalam mempertimbangkan permohonan penubuhan pusat tuisyen.

3.0 SKOP

- i. Garis panduan ini terpakai semasa mempertimbangkan ulasan atau permohonan penubuhan pusat tuisyen yang turut meliputi pusat komputer, pusat bahasa/komunikasi, pusat latihan perdagangan, pusat latihan kemahiran (vokasional), pusat bimbingan dan pusat perkembangan (Smart Reader, Kumon dan lain-lain).
- ii. Garis panduan ini mencakupi aktiviti pusat tuisyen yang dijalankan di dalam bangunan perdagangan dan bangunan institusi sedia ada.



4.0 TAKRIF PUSAT TUISYEN

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-peraturan Terpilih mentakrifkan pusat tuisyen sebagai sesuatu institusi pendidikan yang khusus memberikan pendidikan bimbingan atau membantu seseorang murid sesuatu sekolah atau seseorang murid yang sedang belajar di sesuatu institusi pendidikan swasta bagi menyediakan murid itu menduduki peperiksaan.

5.0 DASAR PERANCANGAN DAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2020:

EC7: DBKL akan menggalakkan, mempromosi dan memudahkan pembangunan pendidikan dan kesihatan sebagai perkhidmatan yang boleh dipasarkan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi dasar pembangunan pendidikan serta perundingan dengan pihak berkuasa dan agensi yang berkaitan, melaksanakan program bagi menggalakkan, mempromosi dan memudahkan pembangunan pendidikan sebagai suatu perkhidmatan yang boleh dipasarkan.

Pembangunan perkhidmatan pendidikan telah menjadi aktiviti ekonomi yang semakin penting yang boleh dipromosikan

secara agresif sebagai perkhidmatan komersil untuk pasaran eksport dan tempatan.

Dasar Perancangan Semasa

Aktiviti institusi pendidikan dalam bangunan perdagangan, yang tidak melebihi 8,000 kaki persegi, tidak memerlukan kelulusan perancangan.

Peruntukan Undang-undang

i. Kaedah-kaedah (Perancangan) (Kelas-kelas Kegunaan) Bandaraya Kuala Lumpur 1980

Aktiviti pusat tuisyen adalah bersamaan aktiviti institut perdagangan – sekretaris, teknik, vokasional dan lain-lain yang dikategorikan dalam zon guna tanah perdagangan. Aktiviti ini juga dikategorikan dalam zon guna tanah pelajaran.

ii. Draf Kaedah-kaedah (Perancangan) (Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan) WPKL 2014

Aktiviti pusat tuisyen dikategorikan di bawah Kelas D3 – Kemudahan Pendidikan.

iii. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-peraturan Terpilih

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-peraturan Terpilih diwartakan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendidikan dan juga bagi perkara yang berkaitan dengan isu pembangunan pendidikan. Seksyen 79 Bahagian VIII Akta ini memperuntukkan bahawa setiap institusi pendidikan (pusat tuisyen) yang ditubuhkan perlu didaftarkan dengan Ketua Pendaftar di Jabatan Pelajaran.

Akta ini diwujudkan bagi menyelaraskan dan menjamin perkhidmatan yang disediakan di institusi pendidikan khususnya pusat tuisyen, memenuhi standard minimum yang boleh diterima dari segi keselamatan dan keselesaan penghuninya.



Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

6.0 KRITERIA PERANCANGAN

Bil.	Perkara	Garis Panduan
1.	Zon guna tanah	<p>i. Aktiviti pusat tuisyen boleh dipertimbangkan di zon LC, MX (ruang lantai perdagangan) dan PF.</p> <p>ii. Aktiviti pusat tuisyen juga dibenarkan dengan bersyarat di di zon guna tanah CCC, MC, IP, MXI, TP, TV, R1, R2, R3, EHA, PH dan INT.</p> <p>Nota: Di antara kriteria penilaian adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi sebagai kemudahan penduduk sekitar dan tidak menimbulkan kacau ganggu. • Penggunaan ruang IP, MXI dan TP boleh dibenarkan bagi aktiviti pendidikan berorientasikan vokasional dan kemahiran.

Dokumen ini hanya untuk tujuan penilaian sahaja



Bil.	Perkara	Garis Panduan
2.	Jenis bangunan/premis	<p>i. Rumah kedai</p> <p>ii. Kedai pejabat</p> <p>iii. Kompleks perdagangan:</p> <p>a. Pusat beli-belah</p> <p>b. Bangunan pejabat</p> <p>iv. Sekolah, bangunan institusi, dewan serba guna dan bangunan keagamaan.</p> <p>v. Ruang khas dalam bangunan pangsapuri/rumah pangsa.</p> <p>vi. Bangunan industri (khusus untuk aktiviti pembelajaran berkaitan kemahiran). Tidak digalakkan di kawasan industri berat dan tercemar.</p> <p>vii. Bangunan khusus untuk tujuan pusat tuisyen.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kebenaran JMB/MC diperlukan bagi pembangunan berstrata. • Mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan dan kebombaian seperti penyediaan tangga kedua.

Bil.	Perkara	Garis Panduan
3.	Pusat tuisyen yang tidak memerlukan kelulusan perancangan	<ul style="list-style-type: none"> i. Penukaran guna lantai tidak melebihi 8,000 kaki persegi pada bangunan/premis. ii. Ruang lantai yang telah dikhaskan untuk aktiviti pusat tuisyen/pembelajaran dalam kelulusan pelan bangunan.
4.	Kesesuaian dengan aktiviti bersebelahan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pusat tuisyen tidak digalakkan beroperasi berhampiran dengan aktiviti yang kurang sesuai seperti premis pertaruhan dan perjudian, pusat hiburan, taman tema dan industri pembuatan mencemar. ii. Tidak dibenarkan di ruang lantai dalam bangunan yang dikhaskan untuk kawasan sepunya (<i>common area</i>) bagi tujuan ruang legar, koridor, foyer, ruang perkhidmatan, M & E dan tempat letak kereta.

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja



Bil.	Perkara	Garis Panduan
5.	Kemudahan	<p>A. Pusat Tuisyen (Luas lantai tidak melebihi 8,000 kaki persegi)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tandas berasingan untuk lelaki dan perempuan. ii. Ruang untuk berehat/menunggu dengan keluasan minimum 100 kaki persegi. iii. Bilik darjah/kelas hendaklah dilengkapi dengan kemudahan penyaman udara. <p>B. Pusat Tuisyen (Luas lantai melebihi 8,000 kaki persegi)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tandas berasingan untuk lelaki dan perempuan. ii. Ruang untuk berehat/menunggu dengan keluasan minimum 100 kaki persegi. iii. Bilik perbincangan dengan keluasan minimum 100 kaki persegi. iv. *Bilik solat berasingan untuk lelaki dan perempuan dengan keluasan minimum 100 kaki persegi (bagi setiap ruang solat lelaki dan perempuan) dan disertakan dengan tempat berwuduk. v. Bilik darjah/kelas hendaklah dilengkapi dengan kemudahan penyaman udara. vi. Tempat meletak motosikal yang bersesuaian untuk kegunaan pelajar.

Nota: * Kemudahan ini disediakan mengikut kesesuaian pusat tuisyen dari segi bilangan pelajar dan anutan agama.

Bil.	Perkara	Garis Panduan
6.	Reka bentuk bangunan	<ul style="list-style-type: none">i. Penyaman udara yang terlindung daripada pandangan awam.ii. Mematuhi kehendak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
7.	Tambahan dan perubahan	<ul style="list-style-type: none">i. Mematuhi Undang-Undang Kecil Bangunan WPKL 1985.ii. Memastikan aktiviti yang dijalankan tidak menimbulkan kacau ganggu.

7.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada **1 Januari 2015**.

Dokumen ini hanya untuk rujukan dan bertalian sahaja

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN PUSAT TUISYEN



SENARAI BUKU GARIS PANDUAN:

- i. Garis Panduan Perancangan Pusat Hiburan
- ii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Taska
- iii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Tadika
- iv. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Nisbah Plot
- v. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Hotel Bajet
- vi. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Pusat Tuisyen
- vii. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kawasan *Plinth*
- viii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Kawasan Lapang
- ix. Garis Panduan Perancangan Pembinaan Pondok Pengawal
- x. Garis Panduan Perancangan Penyediaan *Perimeter Planting*
- xi. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kepadatan Penduduk
- xii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Tempat Letak Kenderaan
- xiii. Garis Panduan Perancangan Proses Pelawaan Bantahan (Kaedah 5)
- xiv. Garis Panduan Perancangan Penamaan Bangunan dan Taman Perumahan
- xv. Garis Panduan Perancangan Insentif Pembangunan di Kawasan Rizab Melayu
- xvi. Garis Panduan Perancangan Penerapan Elemen Bandar Selamat Dalam Penilaian Perancangan
- xvii. Garis Panduan Perancangan Kriteria Penilaian Perancangan Permohonan Kebenaran Perancangan
- xviii. Garis Panduan Perancangan Aspek Kawalan Perancangan Pembangunan di Kawasan Lereng Bukit
- xix. Garis Panduan Perancangan Keperluan Kemudahan Awam Dalam Pembangunan Bukan Kediaman
- xx. Garis Panduan Perancangan Loji Pembancuh Simen (*Batching Plant*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- xxi. Garis Panduan Perancangan Keperluan Anjakan Bangunan Kediaman Bertanah (Banglo, Berkembar dan Teres)
- xxii. Garis Panduan Perancangan Penyediaan Kemudahan Penduduk Dalam Skim Pembangunan Kediaman Bertingkat
- xxiii. Garis Panduan Perancangan Peratusan Unit Kecil Bagi Pembangunan Kediaman dan Pembangunan Komersil Bercirikan Kediaman
- xxiv. Garis Panduan Perancangan Kriteria Penilaian Perancangan Pemasangan Menara Telekomunikasi di Atas Tanah di Bawah Kawalan DBKL
- xxv. Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Perumahan Berkepadatan Rendah (Bukit Tunku, Taman Duta, Bukit Persekutuan dan Bukit Damansara)